





LAPORAN TAHUNAN 2012
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI SELANGOR



SIDANG REDAKSI

Penaung

Tn. Hj. Mohd Zaki Bin Ibrahim

Penasihat

Cik Norasiah Bee Bt. Mohd. Haniff

Ketua Editor

En. Mustafa Bakri Bin Alias Sani

Sidang Editor

Pn. Rosmila Bt. Adnan

Pn. Suzianah Bt. Mustapah

Pn. Siti Munira Bt. Che Mat

Penyumbang Artikel

Tn. Hj. Azman Bin Talib

En. Saidin Bin Lateh

En. Mustafa Bakri Bin Alias Sani

En. Nurul Azhar Bin Husin

LAPORAN TAHUNAN 2012

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Negeri Selangor,

Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan,

No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,

40646 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-5511 6666

Faks : 03-5511 3557

Laman web : www.jpbdselangor.gov.my

ISSN 2232-1381

Cetakan 2013

SENARAI KANDUNGAN

01 SEKAPUR SIREH

02 PROFIL JABATAN

Visi, Misi dan Slogan dan Objektif Jabatan
Piagam Pelanggan
Rancangan Strategik JPBD (RSJ 920)
Budaya Kerja JPBD
Budaya Kerja Kerajaan Negeri Selangor
Pendekatan Pentadbiran 4E

03 STRUKTUR ORGANISASI

Carta Organisasi

04 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perjawatan

05 PENGURUSAN KEWANGAN

06 ANUGERAH JABATAN

07 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Pencapaian Piagam Pelanggan
Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor
Mesyuarat Jawatan Kuasa Teknikal - JPNS
Rancangan Pemajuan
Program Publisiti dan Penyertaan Awam
Rancangan Struktur Negeri
Pengawalan Perancangan
Projek Berprofil Tinggi
Lembaga Rayuan Negeri Selangor

08 PENGURUSAN LATIHAN

Pengurusan Latihan, Kursus dan Taklimat
Lawatan Ke Luar Negara
Kunjungan Dari Pelawat Luar
Perhimpunan Bulanan
Hari Terbuka Semakan Buku Rekod
MS ISO 9001 : 2008
Penilaian Star Rating oleh JPBD, Semenanjung Malaysia

09 PENGIKTIRAFAN JABATAN

10 TERBITAN JABATAN

11 AKTIVITI JABATAN 2012

Penyampaian Kad Hari Lahir
Aktiviti Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi
Perkahwinan/Kelahiran Cahayamata
Program Pembangunan Insan dan Nilai Murni

12 LENSA 2012



01

SEKAPUR SIREH



HAJI MOHD ZAKI BIN IBRAHIM
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.....

Saya dengan ikhlas hati membentangkan Laporan Tahunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bagi tahun 2012.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor berperanan sebagai penasihat utama kepada Kerajaan Negeri mengenai semua perkara berkaitan perancangan, termasuk pemeliharaan, penggunaan dan pembangunan tanah selaras dengan peruntukkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Dalam melaksanakan tanggungjawab ini penekanan akan terus diberi kepada visi jabatan untuk *Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020*.

Antara program giat dilaksanakan dalam menterjemahkan visi jabatan adalah semakan semula Rancangan Struktur Negeri ke arah penetapan polisi gunatanah yang berdaya laksana dan menjadi pemangkin pembangunan mampan untuk digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala semakan dan proses pengubahan Rancangan Tempatan akan terus diperkemas serta dimantapkan lagi dari masa ke semasa.

Pada tahun 2012, kajian bagi Rancangan Tempatan Sabak Bernam dan Rancangan Tempatan Kuala Selangor telah dilakukan. Jabatan juga sedang di dalam proses untuk membuat semakan dan penambahbaikan kepada Garis Panduan Pembangunan Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi serta Manual Piawaian Perancangan Negeri Selangor dengan penglibatan 'stake holders' yang berkaitan.

Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Mampan, Konsep Kejiranan Hijau, Program Bandar Selamat, Kajian Pemuliharaan Sungai Klang dan pelaksanaan pemantauan kemampunan bandar melalui petunjuk *Malaysian Urban Rural National Indicators Network on Sustainable Development (Murninets)* juga telah menunjukkan hasil yang cemerlang sepanjang tahun 2012. Bagi tahun 2012, kesemua 12 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, telah menerima penarafan Bandar Mampan berbanding hanya 10 buah bandar pada tahun 2010.

Saya juga berasa sukacita pada tahun 2012, Jabatan telah mengekalkan prestasi dengan mencapai Anugerah Portal 5 Bintang dan Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC).

Adalah menjadi harapan saya, bahawa segala kejayaan dan pengiktirafan ini akan menjadi pembakar semangat bagi Jabatan ini serta seluruh warganya untuk bekerja dengan lebih cemerlang dalam mencapai hasrat Visi dan Misi Jabatan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen mereka kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor *Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020..*

Perkhidmatan Berkualiti dan Dinamik

HAJI MOHD ZAKI BIN IBRAHIM

Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

02

PROFIL JABATAN

VISI DAN MISI

Visi


Peneraju yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam Perancangan Bandar dan Desa

Misi

Mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan selaras dengan Wawasan 2020

Slogan

Jayakan perkhidmatan berkualiti dan dinamik





OBJEKTIF JABATAN

- i. Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negeri;
- ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan akta-akta berkaitan;
- iii. Untuk melaksanakan dan memastikan pemakaian berkesan kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan oleh semua agensi di semua peringkat perancangan; dan
- iv. Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.





PIAGAM PELANGGAN

MATLAMAT

Pengwujudan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan sejahtera di Negeri Selangor melalui perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dengan itu kami berjanji untuk:

1. Mengurusetikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri 3 kali setahun;
2. Memberi ulasan perancangan tidak melebihi 14 hari;
3. Mewartakan Rancangan Struktur (RSN), Rancangan Tempatan (RT), dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dalam tempoh 6 bulan selepas persetujuan Pihak Berkuasa Negeri;
4. Memastikan rancangan struktur negeri dikaji semula dalam tempoh 5 tahun selepas pewartaan;
5. Menyelaraskan penyediaan RT dan RKK serta memantau perlaksanaannya berdasarkan program Rancangan Malaysia 5 tahun;
6. Menyedia/menyelaraskan pelan projek khas dalam tempoh 60 hari;
7. Mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan ketua unit OSC setempat (OSC) setiap 6 bulan;
8. Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh 10 hari dari tarikh keputusan diterima dari pengerusi lembaga rayuan;
9. Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh 5 hari bekerja;
10. Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh 5 minit.

RANCANGAN STRATEGIK JPBD (RSJ 920)

JPBD Selangor melaksanakan perancangan strategik berdasarkan perancangan strategik JPBD Semenanjung Malaysia, RSJ 920. RSJ 920 merupakan satu perancangan strategik bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai arah tuju Jabatan dalam merealisasikan wawasan sebagai peneraju dalam sektor perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

9 Teras Strategik

1. Pemuatan kepada perancangan
2. Produk bertaraf dunia
3. Kepuasan pelanggan
4. Perancangan dan pengurusan gunatanah berkesan
5. Penyelidikan dan pembangunan
6. Kerjasama strategik
7. Pembangunan kompetensi
8. Pembangunan teknologi maklumat
9. Pengurusan sumber kewangan

Sebanyak 20 program telah dikenalpasti bagi mencapai 9 teras strategik. JPBD Negeri Selangor terlibat di dalam 5 program iaitu:

BIL. PROGRAM	PERKARA
3	Penyediaan Rancangan Pembangunan dan pemantapan pelaksanaan perancangan
4	Memperkuhkan peranan Pengarah Negeri
6	Melaksanakan pemantauan dan pengauditan secara berkala
11	Memperkuhkan fungsi Lembaga Rayuan
20	Memberikan perkhidmatan perancangan yang berkesan



BUDAYA KERJA JPBD

AMALAN 10K

KETAQWAAN

Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadah.

KOMITMEN

Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan.

KEINDAHAN

Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan.

KONSISTENSI

Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan.

KESEOPANAN

Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan.

KEMESRAAN

Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai.

KEBOLEHPERCAYAAN

Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

KECEMERLANGAN

Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa.

KREATIVITI & INOVASI

Melahirkan idea-idea dan berinovasi.

KESEGERAAN

Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian.



BUDAYA KERJA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

FORMULA 6M

Pendekatan 6M menjadi pasak kepada kejayaan Dasar Bina Insan, diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk membentuk penjawat awam Negeri Selangor yang beramanah, tinggi jati diri, beriltizam tinggi dan persekitaran penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

**MUSYARATAH**

Berjanji untuk mencapai kejayaan demi menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan organisasi menjadi yang cemerlang.

MURAQABAH

Melaksanakan janji dengan taat, tidak menyeleweng, tidak melakukan rasuah, tidak menyalahguna kuasa dan sebagainya.

MUHASABAH

Menilai diri, kekuatan dan kelemahan serta menambahbaik prestasi diri secara berterusan.

MU'AQOBAH

Bertanggungjawab meningkatkan kekuatan dan ketabahan serta ketekunan di dalam mencapai sasaran/matlamat yang ditetapkan melalui usaha-usaha yang berterusan.

MUJAHADAH

Berusaha dengan bersungguh-sungguh melalui kerja kuat, dedikasi, ikhlas dan jujur.

MU'ATABAH

Berusaha memurnikan diri dengan menghindar, menghakis dan mencela segala sifat-sifat buruk dan jahat dalam diri masing-masing.

PENDEKATAN PENTADBIRAN 4E

Pendekatan Pentadbiran 4E adalah merupakan salah satu mekanisma yang diterapkan oleh JPBD Selangor ke atas semua lapisan pegawai. Pendekatan 4E yang dimaksudkan adalah seperti berikut:



EDUCATED (TERDIDIK/ BERILMU)

Seluruh warga perkhidmatan awam perlu *educated* iaitu sentiasa mengemaskini diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan yang terbaru dalam bidang masing-masing serta perlu meluangkan masa membaca dan mendapatkan maklumat-maklumat terbaru.

EFFECTIVE (BERKESAN)

Segala program-program yang dijana oleh perkhidmatan awam hendaklah berkesan dan memberi manfaat kepada golongan sasaran. Disini perlu diseimbangi kuantiti dengan kualiti, *substance* dengan *form*.

ELECTRONIC GOVERNMENT (KERAJAAN ELEKTRONIK)

e-Govt adalah wadah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam Abad 21 dan merupakan anjakan paradigma atau *paradigm shift* kepada perkhidmatan awam kerana ianya bertujuan mempercepatkan dan memudahkan urusan rakyat dengan kerajaan dan juga urusan antara Jabatan-jabatan/Agensi-agensi Kerajaan dan antara sektor awam dengan sektor swasta.

EFFICIENT (CEKAP)

Menghayati sepenuhnya konsep menghasilkan perkhidmatan yang memuaskan hati para pelanggan mereka dengan menggunakan pendekatan *Total Quality Management* dan Piawaian Antarabangsa MS ISO 9000. Cara bekerja dalam abad baru ini tidak seharusnya terkongkong pada cara bekerja abad yang lepas. Kini, semuanya berlaku dengan pantas yang memerlukan perubahan dan *mindset* yang berteraskan misi yang kukuh, berkebolehan memberi keutamaan kepada penyampaian perkhidmatan (*services delivery systems*) yang berkualiti dan cekap.


ENVIRONMENT (PERSEKITARAN)

Setiap program dan aktiviti yang dilakukan hendaklah memberi keutamaan kepada penjagaan alam sekitar. Dalam usaha untuk maju, setiap perancangan hendaklah mengambil kira persekitaran yang mampan dan lestari. Tegasnya, setiap lapisan penjawat awam hendaklah merealisasikan konsep Maju Tapi Hijau. Dengan demikian, dalam melaksanakan pendekatan pentadbiran 4E, komponen E yang kelima, iaitu *Environment* sentiasa terangkum di dalam merealisasikan keempat-empat E yang menjadi pegangan penjawat-penjawat awam Selangor.

03

STRUKTUR ORGANISASI

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR



04

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

Sehingga Disember 2012, jumlah semua lapisan pegawai di JPBD Selangor adalah seramai 109 orang.

KEDUDUKAN PERJAWATAN DI JPBD SELANGOR TAHUN 2012

JAWATAN	KEDUDUKAN BILANGAN JAWATAN		
	BILANGAN JAWATAN YANG DILULUSKAN	BILANGAN JAWATAN YANG DIISI	JAWATAN YANG MASIH KOSONG
Pengarah Gred Utama Jusa C	1	1	-
Pegawai Perancang Gred JS2	1	1	-
Pegawai Perancang Gred J48	2	2	-
Pegawai Perancang Gred J44	2	2	-
Pegawai Perancang Gred J41	7	7	-
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	1	1	-
Pen. Peg. Perancang Gred J38	1	1	-
Pen. Peg. Perancang Gred J36	2	2	-
Pen. Peg. Perancang Gred J29	15	12	3
Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29	1	1	-
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	1	1	-
Juruteknik Perancang Bandar Gred J26	1	1	-
Juruteknik Perancang Bandar Gred J22	5	5	-
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1	1	-
Juruteknik Perancang Bandar Gred J17	35	32	3
Pelukis Pelan Gred J17	9	7	2
Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22	1	1	-
Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17	2	1	1
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22	1	1	-
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	8	7	1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 (KUP)	4	2	- Jumud
Pembantu Am Rendah Gred N1	4	4	-
Penghantar Notis Gred N3	1	1	-
Pemandu Kenderaan Gred R3	3	3	-
JUMLAH	109	97	10*

* Dua (2) jawatan Pembantu Tadbir Gred N17 (KUP) dijumlahkan.



LANTIKAN BARU

PERLANTIKAN PEGAWAI BARU SAMBILAN TAHUN 2012

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
1	Cik Nik Nurul Afzan bt Hassan Nualdin	Pembantu Tadbir (N17)	3 Mei 2012
2	Pn. Kamariah bt Mohamed Shari	Pembantu Tadbir (W17) (S)	17 Oktober 2012

PERTUKARAN MASUK PEGAWAI BAGI TAHUN 2012

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED	PERTUKARAN DARI	TARIKH MASUK KE JPBD
1	En. Mustafa Bakri b. Alias Sani	Penolong Pengarah Kanan (J44)	Pejabat Projek Zon Tengah JPBD Semenanjung Malaysia	1 Jun 2012
2	Pn. Nen Farahana bt. Ahmad Foad	Penolong Pengarah (J41)	Pejabat Projek Zon Tengah JPBD Semenanjung Malaysia	1 Jun 2012
3	Pn. Siti Nurul Fatimah bt. Othman	Penolong Pengarah (J41)	Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Tampin	3 September 2012
4	Pn. Hafaliza bt. Ishak	Penolong Pengarah (J41)	Bahagian Perundangan dan Kawal Selia JPBD Semenanjung Malaysia	3 September 2012
5	Pn. Siti Nabila bt. Sheikh Hussein	Penolong Pengarah (J41)	Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kuala Pilah	3 September 2012



PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI BAGI TAHUN 2012

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED	TEMPAT PERTUKARAN	TARIKH PERTUKARAN
1	Ir. Zolkeflee b. Abd. Hamid	Junutera (J48)	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	1 Mei 2012
2	Pn. Noorsyabella bt. Che Haron	Penolong Pengarah (J41)	JPBD Semenanjung Malaysia	14 Mei 2012
3	Pn. Hairulliza bt. Abdul Rahman	Penolong Pengarah Kanan (J44)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD Semenanjung Malaysia	31 Mei 2012
4	Pn. Salina bt. Mohd. Sharif	Pembantu Tadbir (W17)	Pejabat UPEN, SUK Selangor	16 Jun 2012
5	En. Mohd Riduwan b. Ahmad	Pembantu Tadbir (W17)	Pejabat Bendahari, SUK Selangor	16 Jun 2012
6	En. Mohd. Rizal b. Shamsuddin	Penolong Pegawai Perancang (J29)	JPBD Semenanjung Malaysia	28 Ogos 2012
7	Pn. Norlida bt. Ismail	Penolong Pengarah (J41)	Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Tampin	3 September 2012
8	En. Mohd. Radzi Mohamad	Penolong Pengarah (J41)	Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kuala Pilah	3 September 2012

PERSARAAN PEGAWAI BAGI TAHUN 2012

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED	TARIKH BERSARA	TARIKH LANTIKAN
1	Pn. Haton bt. Hasan	Pelukis Pelan (J17)	16 Januari 2012	15 Oktober 1979
2	Pn. Hj. Suriawati bt. Hj. Ab. Rahman	Pen. Peg. Perancang (J36) KUP	24 Jun 2012	2 Januari 1986
3	Pn. Roslinawati bt. Miski	Penolong Pengarah (J41)	31 Ogos 2012	29 Oktober 2004
4	Pn. Hj. Siti Rafeah bt. Hj. Md. Ali	Pembantu Tadbir Kewangan (W22) KUP	8 Oktober 2012	2 November 1981

05

PENGURUSAN KEWANGAN


Jabatan menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan dibawah Peruntukan Vot Mengurus dan Peruntukan Vot Pembangunan

Pada tahun 2012, jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada JPBD Selangor bagi Vot Mengurus adalah sebanyak RM7,881,711.41 manakala Vot Pembangunan ialah RM2,500,000.00.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN JPBD SELANGOR TAHUN 2012

OBJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
Perbelanjaan Mengurus (B16)	7,881,711.41	7,327,324.95	92.97
Perbelanjaan Pembangunan (P16)	2,500,000	2,249,124.72	89.96

Sehingga 31 Disember 2012, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM7,327,324.95 (92.97%) bagi Vot Mengurus dan RM2,249,124.72 (89.96%) bagi Vot Pembangunan.




06

ANUGERAH JABATAN

ANUGERAH CEMERLANG PENARAFAN 5 BINTANG PORTAL JPBD SELANGOR

Portal JPBD Negeri Selangor telah menerima penganugerahan Sijil 5 Bintang dari pihak MAMPU dan berada pada ranking ke-19 daripada 554 portal agensi atau jabatan di seluruh negara pada 12 Disember 2012.





1



2

1. Sijil Anugerah Cemerlang Penarafan 5 Bintang Portal JPBD Selangor oleh Kerajaan Negeri Selangor.
2. Sijil Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012.

PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Pada 21 Mei 2012, Pn. Rusidah bt. Jamil telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ke-66.



Pada 11 Disember 2012, Tn. Hj. Azman bin Talib telah diberi penghormatan menerima Darjah Kebesaran Ahli – Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ke-67.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) PERINGKAT PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011

Seorang pegawai Jabatan, iaitu Tn. Hj. Azman bin Talib, Ketua Penolong Pengarah (J48) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat JPBD Semenanjung Malaysia pada 5 Mei 2012 atas kecemerlangan perkhidmatannya pada tahun 2011.

1. Tn. Hj. Azman Bin Talib
Ketua Penolong Pengarah (J48)



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JPBD NEGERI SELANGOR TAHUN 2011

Jabatan telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 pada 4 September 2012. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan satu tanda pengiktirafan dan penghargaan Jabatan kepada pegawai-pegawai yang telah membuktikan kecemerlangan masing-masing.

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED
1.	Tn. Hj. Mohd. Nasir bin Mohd. Nayan	Pen. Peg. Perancang Bandar Kanan (J36)
2.	En. Mohd. Asri bin Hj. Nor	Pen. Peg. Perancang Bandar (J29)
3.	Pn. Faridah Hanim bt. Salaton	Pen. Peg. Perancang Bandar (J29)
4.	En. Mohd. Dorni bin Dahalan	Juruteknik Kanan (J22) (KUP)
5.	Pn. Hjh. Siti Rafeah bt. Hj. Md. Ali	Pembantu Tadbir Kewangan (W22) (KUP)
6.	Pn. Siti Munira bt. Che Mat	Juruteknik (J17)
7.	Pn. Pavani a/p Ellamallai	Juruteknik (J17)
8.	Pn. Nurzetty Suria bt. Mohd. Yusof	Pelukis Pelan (J17)
9.	Cik Latifah bt. Ahmad	Pembantu Tadbir (N17)

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah menerima hadiah dan insentif seperti berikut:

- i. Sijil Perkhidmatan Cemerlang
- ii. Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00
- iii. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja.
- iv. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Negeri.





En. Mohd. Nasir bin Mohd. Nayan



En. Mohd. Asri bin Hj. Nor



Pn. Faridah Hanim bt. Salaton



En. Mohd. Dorni bin Dahalan



Pn. Hjh. Siti Rafeah bt. Hj. Md. Ali



Pn. Siti Munira bt. Che Mat



Pn. Pavani a/p Ellamalai



Pn. Nurzetty Suria bt. Mohd. Yusof



Cik Latifah bt. Ahmad

ANUGERAH KHAS PENGARAH

Anugerah Khas Pengarah diperkenalkan bagi menghargai sumbangan lapisan pegawai yang cemerlang dan mendapat markah Sasaran Kerja Tahunan (SKT) melebihi 90%.

Bagi Tahun 2012, seramai 30 orang pegawai telah menerima Anugerah Khas Pengarah.

Penerima Anugerah Khas Pengarah telah menerima hadiah dan insentif seperti berikut:

- i. Sijil Penghargaan
- ii. Hadiah prestasi sebanyak RM 250.00

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED
1.	Cik Norasiah Bee bt. Mohd. Haniff	Timbalan Pengarah (J52)
2.	Tn. Hj. Azman bin Talib	Ketua Penolong Pengarah (J48)
3.	En. Saidin bin Lateh	Ketua Penolong Pengarah (J48)
4.	Pn. Hairulliza bt. Abdul Rahman	Penolong Pengarah Kanan (J44)
5.	En. Mohd. Rozuwan bin Ab Ilah	Penolong Pengarah Kanan (J44)
6.	En. Mohd. Zainuddin bin Jumaat	Penolong Pengarah (J41)
7.	Pn. Rosmila bt. Adnan	Penolong Pengarah (J41)
8.	Pn. Hj. Saidah bt. Ahmed	Pen. Pegawai Perancang Tertinggi (J38)
9.	Pn. Hj. Latipah bt. Hj. Ishak	Pen. Pegawai Perancang Kanan (J36)
10.	Pn. Hj. Noorsiah bt Arshad	Penolong Pegawai Perancang (J36)(KUP)
11.	Pn. Suzila bt Mohammed Suri	Penolong Pegawai Perancang (J29)
12.	En. Muhamad Azuwan bin Abdul Rahman	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (F29)
13.	Pn. Rusidah bt. Jamil	Penolong Pegawai Tadbir (N27)
14.	Pn. Umi Kalsom bin Ismail	Juruteknik Tertinggi (J26)
15.	En. Nor-Din bin Abu Bakar	Juruteknik Kanan (J22)
16.	Pn. Azizah bt. Ibrahim	Juruteknik Kanan (J22)
17.	En. Yeoh Kum Chin	Juruteknik Kanan (J22)
18.	Pn. Junaidah bt Mustar	Pelukis Pelan Kanan (J22)
19.	Pn. Norlelan bt. Aziz	Pembantu Khas (N22)
20.	Pn. Darshan Kaur a/p Harbhajan Singh	Pembantu Tadbir Kanan (Kew)(W22)
21.	Pn. Azlina bt. Asiar	Juruteknik (J17)
22.	Pn. Rohayah bt. Yusof	Juruteknik (J17)
23.	En. Mohd. Khairil Neezam bin Mohd Saari	Juruteknik (J17)
24.	Pn. Noraffizah bt. Suhaini	Juruteknik (J17)
25.	En. Rahimie bin Ibrahim	Juruteknik (J17)
26.	En. Mohd. Fazli bin Razali	Juruteknik (J17)
27.	Pn. Norhasikin bt. Othman	Pembantu Tadbir (N17)(KUP)
28.	Pn. Norlela bt. Nordin	Pembantu Tadbir (N17)
29.	Pn. Salina bt. Mohd. Sharif	Pembantu Tadbir (Kew)(W17)
30.	En. Abdul Razak bin Ali	Pembantu Am Pejabat (N1)





11. Pn. Suzila bt Mohammed Suri
12. En. Muhamad Azuwan bin Abdul Rahman
13. Pn. Rusidah bt. Jamil
14. Pn. Umi Kalsom bin Ismail
15. En. Nor-Din bin Abu Bakar
16. Pn. Azizah bt. Ibrahim
17. En. Yeoh Kum Chin
18. Pn. Junaidah bt Mustar
19. Pn. Norlelan bt. Aziz
20. Pn. Darshan Kaur a/p Harbhajan Singh



21



22



23



24



25



26



27



28



29



30

21. Pn. Azlina bt. Asiar
22. Pn. Rohayah bt. Yusof
23. En. Mohd. Khairil Neezam bin Mohd Saari
24. Pn. Noraffizah bt. Suhaini
25. En. Rahimie bin Ibrahim
26. En. Mohd. Fazli bin Razali
27. Pn. Norhasikin bt. Othman
28. Pn. Norfela bt. Nordin
29. Pn. Salina bt. Mohd. Sharif
30. En. Abdul Razak bin Ali

07

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN




PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Bagi tahun 2012, JPBD Selangor telah melaksanakan 9 daripada 10 Piagam Pelanggan (PP) yang ditetapkan. Tiada projek dilaksanakan oleh JPBD Selangor bagi pelaksanaan piagam pelanggan ke-6 iaitu menyedia / menyelaras pelan Projek Khas dalam tempoh 60 hari. Walaubagaimanapun Jabatan telah terlibat dengan penyediaan Projek Berprofil Tinggi yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri seperti Projek Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai Klang, dan Inventori Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga tahun 2060.

JPBD Negeri Selangor telah mencapai tahap 100% bagi pelaksanaan 7 Piagam Pelanggan iaitu PP1, PP3, PP4, PP5, PP8, PP9 dan PP10.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN SEHINGGA DISEMBER 2012



Nota:

- PP1: Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri 3 Kali Setahun
- PP2: Memberi Ulasan Perancangan Tidak Melebihi 14 Hari
- PP3: Mewariskan Rancangan Struktur (RSN), Rancangan Tempatan (RT), Dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Persetujuan Pihak Berkuasa Negeri
- PP4: Memastikan RSN Dikaji Semula Dalam Tempoh 5 Tahun Selepas Pewartaan
- PP5: Menyelaras Penyediaan RT Dan RKK Serta Memantau Perlaksanaannya Berdasarkan Program Rancangan Malaysia 5 Tahun
- PP6: Menyedia / Menyelaras Pelan Projek Khas Dalam Tempoh 60 Hari (Tiada Pelaksanaan)
- PP7: Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Dengan Ketua Unit Osc Setempat (OSC) Setiap 6 Bulan
- PP8: Menyampaikan Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Perayu Dan Responden Dalam Tempoh 10 Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Dari Pengerusi Lembaga Rayuan
- PP9: Membekal Maklumat Perancangan (Kategori Tidak Terperingkat) Dalam Tempoh 5 Hari Bekerja
- PP10: Memberi Layanan Kaunter Dengan Berbudi Bahasa Dalam Tempoh 5 Minut

JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

Bagi melaksanakan Seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) ahli-ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang dilantik adalah seperti berikut:

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR SEHINGGA DISEMBER 2012

BIL	PORTFOLIO/JABATAN	NAMA
1	Dato' Menteri Besar Selangor	Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim (Pengerusi)
2	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Y.B Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi
3	Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	Y.B Datin Paduka Zauyah Be Bt. Loth Khan
4	Pegawai Kewangan Negeri Selangor	Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman
5	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan & Setinggan)	Y.B Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Timbalan Pengerusi)
6	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan)	Y.B Dr. Hj. Yaakob Bin Sapari
7	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar)	Y.B Pn. Wong Keat Ping @ Elizabeth Wong
8	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan)	Y.B Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
9	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (Timbalan SUK Pembangunan)	Y.Bhg. Dato' Hj. Mohamad Roslan Bin Sakiman
10	Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Ir. Abdullah Bin Abd. Rahman
11	Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Hj. Kamarulzaman Bin Jamil
12	Pengarah Pengairan & Saliran Negeri Selangor	Tn. Hj. Ir. Ab. Qahar Bin Osman
13	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Tn. Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek
14	Pengarah Pembangunan Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Ghani Bin Salleh
15	Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Puan Siti Zaleha Bt. Ibrahim
16	Pengarah Lembaga Urus Air Negeri Selangor	Tn. Hj. Md. Khairi Bin Selamat
17	Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Hj. Zakaria Bin Mohamad
18	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor	Tn. Hj. Mohd. Zaki Bin Ibrahim (Setiausaha)

PELAKSANAAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

Sehingga Disember 2012, JPBD Selangor telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) sebanyak 6 kali iaitu:

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	KERTAS MESYUARAT	
Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012	13 Februari 2012	Kertas Dasar	4
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawalan Perancangan	-
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	4
		Jumlah : 12 Kertas Kerja	
Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012	10 April 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	2
		Kertas Pengawalan Perancangan	-
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah : 6 Kertas Kerja	
Mesyuarat JPNS Bil. 3/2012	5 Jun 2012	Kertas Dasar	-
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawalan Perancangan	-
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah : 7 Kertas Kerja	
Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012	13 Ogos 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	2
		Kertas Pengawalan Perancangan	1
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah : 7 Kertas Kerja	
Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012	9 Oktober 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawalan Perancangan	4
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	-
		Jumlah : 9 Kertas Kerja	
Mesyuarat JPNS Bil. 6/2012	4 Disember 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	5
		Kertas Pengawalan Perancangan	-
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	1
		Jumlah : 7 Kertas Kerja	
Jumlah Keseluruhan Kertas Dibentang Dalam Mesyuarat JPN Setengah Tahun 2012		Kertas Dasar	8
		Kertas Rancangan Pemajuan	21
		Kertas Pengawalan Perancangan	5
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	14
		Jumlah Keseluruhan : 48	

DASAR-DASAR YANG DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR (JPNS) DAN DITERIMA PAKAI

Sebanyak 8 kertas dasar telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk diterimapakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor sehingga Disember 2012 iaitu:



KERTAS DASAR/ARAHAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JPNS

BIL.	MESYUARAT JPNS	KERTAS DASAR
1	Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012 (13 Februari 2012)	i. Cadangan Perubahan Keahlian Jawatankuasa Perancang Negeri Di Bawah Seksyen 4, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). ii. Garis Panduan Rekabentuk Sejangat (<i>Universal Design</i>). iii. Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> (CPTED). iv. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN).
2	Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012 (10 April 2012)	i. Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau.
3	Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012 (13 Ogos 2012)	i. Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownsfield</i> .
4	Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012 (9 Oktober 2012)	i. Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska
5	Mesyuarat JPNS Bil. 6/2012 (4 Disember 2012)	i. Draf Tatacara Penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan) Di Bawah Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)



Mesyuarat bersidang di bilik Mesyuarat tingkat T8, JPBD Selangor.

SEMINAR PEMBANGUNAN MAMPAN

Seminar Pembangunan Mampan bertemakan Pembangunan Mampan dan Kejiranan Hijau Di Selangor telah diadakan pada 18 Disember 2012 bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam. Peserta seminar adalah seramai 200 orang yang terdiri daripada wakil Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Teknikal, Jabatan Perancang Bandar Semenanjung Malaysia, Jabatan Perancang Bandar Negeri, ahli akademik dan pelajar IPTA. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.B. Pn. Wong Keat Ping @ Elizabeth Wong (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna & Alam Sekitar, Kerajaan Negeri Selangor).

Seminar Pembangunan Mampan telah dirasmikan oleh Y.B. Pn. Wong Keat Ping @ Elizabeth Wong (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna & Alam Sekitar, Kerajaan Negeri Selangor).





Pembentangan kertas kerja pada seminar ini merangkumi dasar-dasar, kaedah dan kajian-kajian kes yang berkaitan dengan kejuranan hijau.

PROGRAM PENGINDAHAN BANDAR WARISAN KUALA KUBU BHARU JPBD SELANGOR BERSAMA MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Program Pengindahan Bandar Warisan Kuala Kubu Bharu JPBD Selangor bersama Majlis Daerah Hulu Selangor telah diadakan pada 14 Julai 2012 di Bandar Warisan Kuala Kubu Bharu. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Zaki Bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Negeri Selangor.







Majlis Bersama Jabatan JPBD Selangor telah diadakan di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak.

MAJLIS BERSAMA JABATAN

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JPBD Negeri Selangor telah diadakan pada 3 – 5 November 2012 bagi membincangkan mengenai isu dan masalah yang dibangkitkan oleh wakil pekerja bagi tahun 2012 ke arah meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti JPBD Selangor.

Sesi lawatan kumpulan Majlis Bersama Jabatan JPBD Selangor ke Perkampungan Budaya Sarawak.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL – JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR (JPNS)

Pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal Kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dalam memproses Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Projek-Projek Kerajaan melalui Jabatan dan Kementerian Kerja Raya adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan juga selaras dengan Pekeliling KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (02) 799/6 Klt.9(9) bertarikh 14 Oktober 2009.

Sehingga Disember 2012, Jabatan telah pun mengadakan **8 kali mesyuarat** bagi merundingkan **12 projek kendalian JKR dan 19 projek kendalian MRT** seperti berikut:

TARIKH TERIMA	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK/ KEMENTERIAN	TARIKH RUNDINGAN	KEPUTUSAN/ STATUS	CATATAN
06/01/2012	Permohonan Secara Rundingan Bagi Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Pembetulan Berpusat Di Lot 130, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Perkhidmatan Pembentukan	03/02/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012 bertarikh 13 Februari 2012.
06/01/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang : Jajaran Sungai Buloh – Kajang Bagi Pakej V1 Dari CH000 – CH520 (Sungai Buloh – Kota Damansara)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	03/02/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012 bertarikh 13 Februari 2012.
06/01/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang : Jajaran Sungai Buloh – Kajang Bagi Pakej V7 Dari CH15535 – CH11706 (Bandar Tun Hussein Onn – Taman Mesra)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	03/02/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012 bertarikh 13 Februari 2012.
20/2/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pembinaan Sub Station, Makmal Dan Kerja Menaiktaraf Pusat Pembangunan Fiber Dan Biokomposit (Fidex), Di Atas PT 4026, Mukim Tg. Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Jabatan Kerja Raya Malaysia	07/03/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012, bertarikh 10 April 2012.

TARIKH TERIMA	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK/ KEMENTERIAN	TARIKH RUNDINGAN	KEPUTUSAN/ STATUS	CATATAN
09/02/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pemajuan Sebuah Depot Penyelenggaraan Ringan Mass Rapid Transit Lembah Klang Jajaran Sungai Buloh Ke Kajang Di Atas Sebahagian Tanah Kerajaan Dan Di Atas Lot 1056, 6748, 6750 Dan Di Atas Sebahagian Lot 387, 402, 403, 1055, 1225, 1226, 40882, 40883, 40884, 40885, 40886, 6750, 245, 246, 388, 396, 404, 405, 406, 409, 43192, 40887, 6746, 6747, 5274, 1214, 389, Dan 397, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	07/03/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012, bertarikh 10 April 2012.
15/03/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang : Jajaran Sungai Buloh – Kajang Bagi Pakej V2 Dari CH6267 – CH11916 (Kota Damansara – Dataran Sunway Station)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	17/04/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 3/2012, bertarikh 5 Jun 2012.
08/03/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang : Jajaran Sungai Buloh – Kajang Bagi Pakej V8 Dari CH15528 – CH20144 (Taman Mesra – Stesen Kajang)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	17/04/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 3/2012, bertarikh 5 Jun 2012.
21/3/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang : Jajaran Sungai Buloh – Kajang Bagi Pakej Stesen Bertingkat ST6 Dari CH7000 – CH11800 (Taman Suntext – Tun Hussein Onn)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	17/04/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 3/2012, bertarikh 5 Jun 2012.
15/5/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang : Bagi Tempat Letak Kereta Berbilang Tingkat Di Stesen Sungai Buloh (MSPR1)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	06/06/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal.	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012.

TARIKH TERIMA	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK/ KEMENTERIAN	TARIKH RUNDINGAN	KEPUTUSAN/ STATUS	CATATAN
23/5/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Pembinaan Masjid AlHidayah Lot 86611, Kampung Johan Setia, Mukim Klang Daerah Klang Untuk Tetuan JAIS Selangor	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	06/06/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012
	Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang : Jajaran Sungai Buloh-Kajang Bagi V3 Dari CH11500 – CH117640 (Stesen Dataran Sunway-Seksyen 17)	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	06/06/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012.
30/5/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Bagi cadangan Membina dan Menyiapkan 2 Blok 4 Tingkat Bangunan sekolah Di sekolah Rendah agama Bandar Baru Salak Tinggi Sepang	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	06/06/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012
8/6/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Dato' Kamaruddin, Lot 000614 Daerah Petaling	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	30/07/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012.
21/6/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Blok Pusat Pentadbiran, 1 Blok Pusat Pembelajaran, 1 Blok Makmal Penyelidikan dan TLK Di Atas Sebahagian Lot PT 30704 Mukim Semenyih Hulu Langat	Jabatan Kerja Raya Malaysia	30/07/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012.
27/6/2012	Permohonan Rundingan Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Pekan Dengkil Daerah Sepang	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	30/07/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012.
13/08/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Baru Simpang Tiga Ijok, Di Atas Lot 2489, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	05/10/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012

TARIKH TERIMA	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK/ KEMENTERIAN	TARIKH RUNDINGAN	KEPUTUSAN/ STATUS	CATATAN
16/07/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Baru Kampung Jenjarom, Di Atas Sebahagian Lot 2199, Jalan Masjid, Kampung Jenjarom, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	05/10/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012
17/10/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pemajuan Membina Dan Menyiapkan Kompleks Islam Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	10/12/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	
22/10/2012	PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina 1. Satu Bangunan Tiga Tingkat Stesen MRT STN 005 : Taman Industri Sungai Buloh 2. Satu Bangunan Pintu Masuk A; 3. Satu Bangunan Pintu Masuk B; dan 4. Satu Bangunan M&E 'Plant Room' Di Atas Lot 489 (3636) Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	10/12/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	
	PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina 1. Satu Bangunan Tiga Tingkat Stesen MRT STN 006 : PJU 5 2. Satu Bangunan Pintu Masuk A; dan 3. Satu Bangunan Pintu Masuk B Di Atas Lot 54830, 54831, 48098 Sebahagian Lot 54829, 54834, 48105, 48106 Dan Jajaran Jalan Surian, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	10/12/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	

TARIKH TERIMA	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK/ KEMENTERIAN	TARIKH RUNDINGAN	KEPUTUSAN/ STATUS	CATATAN
22/10/2012	PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina 1. Satu Bangunan Tiga Tingkat Stesen MRT STN 007:Dataran Sunway 2. Satu Bangunan Pintu Masuk A; dan 3. Satu Bangunan Pintu Masuk B Di Atas Lot S2S81, S0631, S2S82 Dan Jajaran Jalan Persiaran Surian, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	10/12/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS
07/11/2012	PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Stesen Bandar Kajang Di Atas Sebahagian Jajaran Projek MRT Lembah Kelang yang Telah Diluluskan Oleh Pelaksanaan MRT Di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat Untuk Tetuan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	10/12/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS
	PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Stesen Saujana Impian Di Atas Sebahagian Jajaran Projek MRT Lembah Kelang Yang Telah Diluluskan Oleh Pelaksanaan MRT Di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat Untuk Tetuan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	10/12/2012	Permohonan telah dipersetujui dengan syarat pemohon perlu mematuhi ulasan dan maklumbalas dari Jabatan Teknikal	Telah dibentang dan disahkan di Mesyuarat JPNS
23/11/2012	Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Satu (1) Blok Tiga (3) Tingkat, Kantin Dan Kerja-Kerja Berkaitan di SJKT Kg. Lindungan, Daerah Petaling	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	10/12/2012		

Pengarah JPBD Negeri Selangor mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal – Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.



Pengarah JPBD Negeri Selangor mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal – Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.



Lawatan ke tapak projek MRT di Kajang.



Lawatan ke tapak projek MRT di Kota Damansara.



RANCANGAN PEMAJUAN

Sehingga Disember 2012, Jabatan telah menguruskan pewartaan fakta persetujuan Pihak Berkuasa negeri bagi 3 Rancangan Pemajuan iaitu RT Majlis Perbandaran Sepang (Pengubahan 1) 2020, RT Majlis Bandaraya Shah Alam (Pengubahan 1) 2020 dan RKK Kampung Sungai Pusu 2020.



PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

Program Publisiti dan Penyertaan Awam untuk Rancangan Pemajuan telah dilaksanakan terhadap 1 Draf Rancangan Tempatan dan 2 Draf Rancangan Kawasan Khas yang melibatkan sebanyak 1438 bantahan iaitu:

1. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 1) 2020
2. Draf Rancangan Kawasan Khas Bukit Serdang
3. Draf Rancangan Kawasan Khas Sg. Choh

Jadual aktiviti program publisiti dan penyertaan awam.

BIL	RANCANGAN PEMAJUAN	TARIKH PUBLISITI	JUMLAH BANTAHAN	MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN & PENDENGARAN AWAM
1	RT MPSJ (Pengubahan 1) 2020	13 Februari 2012 – 19 Mac 2012	1415	16 Julai 2012
2	RKK Bukit Serdang	13 Februari 2012 – 19 Mac 2012	23	16 Julai 2012
3	RKK Kawasan Perindustrian, Sg. Choh	19 Disember 2012 – 20 Februari 2013	-	-

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR

Rancangan Struktur Negeri Selangor (Pengubahan 1) 2035 dilaksanakan dengan kerjasama perunding. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Rancangan Struktur Negeri Selangor bagi membincangkan mengenai asas rujukan telah diadakan pada 8 Mac 2012. Asas rujukan Rancangan Struktur Negeri Selangor (Pengubahan 1) 2035 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil. 1/2012 pada 13 Februari 2012.



Sesi taklimat telah dipengerusikan oleh Tuan Pengarah di Tingkat 18, Bilik Persidangan JPBD Selangor.



Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Rancangan Struktur Negeri Selangor telah diadakan pada 8 Mac 2012.



BENGKEL *TECHNICAL WORKING GROUP* (TWG) RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR (PENGUBAHAN 1) 2035

Bengkel *Technical Working Group* (TWG) Rancangan Struktur Negeri Selangor (Pengubahan 1) 2035 telah dijalankan pada 19hb. Julai 2012 di Dewan Kompleks Rumah EXCO, Seksyen 7, Shah Alam.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan mengupas isu-isu yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 serta mengenalpasti isu-isu baru berkaitan dengan perancangan dan pembangunan Negeri Selangor. Pelaksanaan TWG ini juga merupakan publisiti awal bagi penyediaan Rancangan Struktur Negeri Selangor (Pengubahan 1) 2035 disamping membantu perunding untuk menyediakan Laporan Awal yang akan dijadikan asas kepada penyediaan kajian ini.



*Peserta bengkel *Technical Working Group* (TWG) terdiri daripada PBT, Jabatan Teknikal dan Perunding*

**PROGRAM 'FOCUS GROUP DISCUSSION' (FGD)
RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SABAK
BERNAM 2025**

Kajian Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam 2025 merupakan kajian penggantian kepada Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam 2002-2015. Kajian penggantian RT ini bermula pada 4 Jun 2012 dan dijangka berakhir dalam tempoh 12 bulan.

Pogram FGD Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025 telah diadakan pada 4hb Julai 2012 di Dewan Sri Bernam, Selangor Darul Ehsan. Program Publisiti Awal ini dianjurkan bersama oleh Majlis Daerah Sabak Bernam dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. Program publisiti ini diadakan selaras dengan peruntukan Seksyen 12A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 yang melibatkan Jabatan-Jabatan, agensi, NGO dan wakil penduduk.



Seramai 160 orang peserta telah Program FGD Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025.





PROGRAM 'FOCUS GROUP DISCUSSION' (FGD) RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) 2025

Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 2025 merupakan kajian penggantian kepada Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 2015. Kajian penggantian RT ini bermula pada 4 Jun 2012 dan dijangka berakhir dalam tempoh 12 bulan.

Pogram FGD telah diadakan pada 5 Julai 2012 di De Palma Inn Hotel, Kuala Selangor dan ianya mematuhi peruntukan susbsekyen 12A, Akta 172. Tujuan utama program FGD ini diadakan adalah untuk membincangkan isu dan pandangan yang terdapat dalam Daerah Kuala Selangor. Isu dan pandangan daripada Jabatan-jabatan, agensi, NGO, wakil penduduk dan semua yang terlibat akan diambilkira dalam menghasilkan Laporan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025.



Program Focus Group Discussion (FGD) Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025 telah dipengerusikan oleh Tn. Hj. Azahari bin Sairin, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor.





Sesi taklimat telah dipengerusikan oleh YB Teresa Kok, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian Negeri Selangor.

TAKLIMAT 'RETIREMENT VILLAGE'

